

Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah

Bahagian A

Jawab semua soalan.

5.1

Latar Belakang Pemerintahan Tempatan di Sarawak dan Sabah

- 1 Apakah asas dalam sistem kesukuan yang diamalkan di Sarawak dan Sabah?
- ARAS R**
- A Mengutamakan pegangan agama
 - B Mementingkan jurai keturunan ibu
 - C Pegangan dan kepatuhan kepada adat masyarakat
 - D Mengiktiraf kaum-kaum di Sarawak dan Sabah

BT ms. 110

- 2 Berapakah bilangan etnik di Sabah?
- ARAS R**
- A 31 etnik
 - B 32 etnik
 - C 33 etnik
 - D 34 etnik

BT ms. 110

- 3 Apakah jawatan ketua yang diwujudkan oleh etnik Kenyah dalam sistem pentadbiran tradisional tempatan di Sarawak?
- ARAS R**
- A Peran Lepo
 - B Tuai Rumah
 - C Kelunan Maren
 - D Ketua Kampung

BT ms. 111

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem kesukuan masyarakat di Sabah.
- ARAS S**

Masyarakat Sabah mempunyai pemimpin yang dikenali sebagai X dan berperanan menyelesaikan pertikaian dalam kalangan mereka.

- Siapakah X?
- A Tua Kapung
 - B Peran Lepo
 - C Orang Tua
 - D Menteri

BT ms. 111

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem kesukuan etnik Bajau di Sabah.
- ARAS S**

Pemimpin etnik Bajau dikenali sebagai matto'a.

- Apakah peranan matto'a kepada masyarakat Bajau di Sabah?
- A Mengetuai pentadbiran
 - B Memimpin kaum Bajau
 - C Menguasai daerah
 - D Melindungi adat

BT ms. 111

- 6 Golongan Datu menjalankan pentadbiran di Sabah. Kawasan pentadbiran golongan Datu terletak di kawasan
- ARAS R**
- A pantai timur Sabah
 - B pantai barat Sabah
 - C pedalaman Sabah
 - D selatan Sabah

BT ms. 113

5.2 Peluasan Kuasa Dinasti Brooke di Sarawak

- 7 Apakah alasan yang digunakan oleh Brooke untuk menguasai Sarawak?
- ARAS R**
- I Perpecahan politik
 - II Kegiatan pelanun
 - III Perpecahan suku kaum
 - IV Melindungi adat Sarawak
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

BT ms. 114

- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan individu yang terlibat dalam percaturan politik dan pemerintahan di Sarawak.
- ARAS T**

- Dihantar oleh Sultan Brunei untuk menyelesaikan masalah di Sarawak.
- Bapa saudara Sultan Brunei.

Siapakah individu tersebut?

- A Datu Patinggi Ali
- B Pengiran Matusin
- C Pengiran Abdul Ghafur
- D Pengiran Raja Muda Hashim

BT ms. 114

- 9 James Brooke menggunakan perjanjian sebagai strategi untuk meluaskan kuasa di Sarawak. Apakah kesan daripada Perjanjian 1841 yang ditandatangani antara James Brooke dengan Pengiran Raja Muda Hashim?
- ARAS T**
- A Semua hasil pendapatan diserahkan kepada James Brooke
 - B James Brooke memberikan ufti tahunan sebanyak 2 500 dolar Sepanyol
 - C Sultan Brunei mengiktiraf James Brooke sebagai Raja Putih
 - D James Brooke memerintah Sarawak dan menguasai hasilnya

BT ms. 116

- 10 Apakah tindakan yang diambil oleh James Brooke terhadap penentangan yang dilakukan oleh Datu Patinggi Abang Abdul Ghafur?
- ARAS R**
- A Hukuman bunuh
 - B Dibuang negeri ke Melaka
 - C Diberikan elaun 2 500 dolar
 - D Dibuang negeri ke Pulau Pinang

BT ms. 117

- 11 Antara berikut, yang manakah kawasan yang terawal dikuasai oleh Dinasti Brooke?
- Kuching
 - Batang Lepar
 - Sungai Saribas
 - Sungai Samarahan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

BT ms. 118

- 12 Berapakah bayaran yang diberikan oleh James Brooke untuk menguasai Baram dan lembangan Sungai Baram pada tahun 1883?
- A 2 200 dolar Sepanyol
B 3 500 dolar Sepanyol
C 4 200 dolar Sepanyol
D 4 500 dolar Sepanyol

BT ms. 119

5.3

Peluasan Kuasa Syarikat Borneo Utara British di Sabah

- 13 Apakah faktor utama yang menarik pemodal asing ke Sabah?
- Keindahan negeri
 - Kekayaan ekonomi
 - Kedudukan strategik
 - Kaya dengan sumber
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

BT ms. 121

- 14 Mengapakah British meninggalkan Pulau Balambangan pada tahun 1805?
- A Serangan lanun
B Diancam oleh kuasa Sulu
C Serangan penyakit malaria
D Tiupan angin monsun Barat Daya

BT ms. 121

- 15 Beberapa strategi telah digunakan oleh pemodal asing untuk menguasai Sabah. Apakah strategi tersebut?
- A Menyewa, memajak dan peperangan
B Menyewa, manipulasi dan perjanjian
C Menyewa, memajak dan mengadakan perjanjian
D Tipu helah, memajak dan mengadakan perjanjian

BT ms. 122

- 16 Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di Sabah.



Siapakah tokoh X?

- A William Hood Treacher
B Arthur Henderson Young
C Douglas Graham Campbell
D Baron Gustavus von Overbeck

BT ms. 123

5.4

Bentuk Pentadbiran Barat di Sarawak dan di Sabah

- 17 Maklumat berikut menunjukkan lokasi bahagian di Sarawak. Pilih pasangan yang betul.

	Bahagian	Lokasi
A	Pertama	Sungai Sarawak dan Oya
B	Kedua	Mukah, Bintulu, Matu dan Saribas

	Bahagian	Lokasi
C	Ketiga	Eimbang, Trusan dan Lawas
D	Keempat	Sungai Baram

BT ms. 124

- 18 Syarikat Borneo Utara British telah melaksanakan pembahagian residensi di Sabah. Berapakah jumlah residensi yang terdapat di Sabah pada tahun 1922?
- A Tiga residensi
B Lima residensi
C Enam residensi
D Empat residensi

BT ms. 125

- 19 Antara berikut, yang manakah termasuk dalam institusi peribumi utama di Sabah?
- Ketua Kampung
 - Datu Temenggung
 - Pegawai-pegawai Eropah
 - Mahkamah Anak Negeri
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

BT ms. 126

- 20 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pentadbiran Dinasti Brooke di Sarawak.

X bertindak sebagai Majistret.

Apakah X?

- A Ketua Anak Negeri
B Pegawai Daerah
C Ketua Kampung
D Residen

BT ms. 129